



EKONOPEK EXAMO terdiri dari
Examo-CKM500 (biru) &
Examo-CKM500 Plus (hijau)



Examo-CKM500

Kategori:	Biokimia
Isi:	450 Biji
Tempoh	3 Bulan hingga 1 Tahun
Penggunaan:	
Kesesuaian:	Semua peringkat usia dari bayi hingga orang dewasa

EXAMO-CKM 500 adalah sejenis makanan yang memberikan nutrient untuk saraf bagi memulihkan kesegaran otak. Ia dapat merawat masalah saraf dan mental, takut, cemas, runsing, memberi keyakinan dan membangkitkan semangat. Ia dapat menguatkan daya berfikir dan mencerdaskan akal serta membaiki daya tumpuan, menghapuskan letih lesu, serabut fikiran dan kelesuan otak. EXAMO – CKM 500 juga merupakan makanan berzat mengandungi nutrien biokimia yang menyuburkan otak dengan menggalakkan pertumbuhan ramisaraf aksosomatik dan aksodendritik pada sel neuron otak. Rumusan EXAMO-CKM 500 mengandungi garam tisu biokimia triturate Kalsium Posfat, Kalium Posfat dan Magnesium Posfat dalam juzuk yang tetap.

Rencana Ringkas Tindakan EXAMO-CKM 500

Tubuh yang sihat dan bertenaga boleh melakukan pelbagai kerja. Apabila tenaga dibelanjakan maka kian berkuranganlah, timbulah keadaan-keadaan seperti:

- Lesu
- Lemah
- Mengantuk
- Sengal otot dan sendi
- Lapar dan Dahaga
- Marah-marah
- Tidak dapat meneruskan kerja

Untuk menghilangkan masalah-masalah tersebut, tenaga dapat dipulihkan.

Bagaimana hendak memulihkan tenaga?

Mengikut kajian ada 3 cara bagi memulihkan tenaga, iaitu:

1. Memberi semangat dan perangsang.
2. Beristirehat
3. Makan dan Minum

Memberi semangat dan perangsang

Seseorang pelumba lari jarak jauh (Marathon) akan manjadi letih tidak bermaya selepas berlari beberapa kilometer, tetapi apabila diberi perangsang dengan tepukan orang ramai bertambahlah semangat dan kekuatannya untuk meneruskan larian. Demikian juga galakan perangsang yang diberikan oleh penonton dan penyokong kepada satu pasukan bolasepak akan dapat menimbulkan tenaga baru pasukan itu dan meneguhkan semangat juangnya.

Beristirehat

Setelah banyak bekerja seseorang akan terasa letih dan tidak bermaya. Dengan cara beristirehat tenaga yang hilang akan dapat dipulihkan. Selepas beristirehat bolehlah ia meneruskan kerjanya.

Makan dan Minum

Makan dan minum boleh memulihkan tenaga yang telah digunakan semasa bekerja. Apa yang harus dimakan?

Yang harus dimakan ialah benda-benda yang boleh memberi tenaga seperti gula, nasi, kanji, bubur, gandum, teh dan sebagainya.

DEMIKIAN JUGA HALNYA DENGAN OTAK

Otak yang sihat dan bertenaga boleh melakukan kerja seperti berfikir dan mengingat. Bila otak melakukan kerja-kerja ringan seperti membaca, mengira mudah dan menulis, ia cuma melibatkan penggunaan tenaga yang sedikit sahaja. Bila mana pula ia melakukan kerja-kerja berat seperti membuat analisis-analisi, merangka strategi dan sebagainya, maka sudah tentulah banyak tenaga yang digunakan.

Bila tenaga otak telah digunakan, maka kian berkuranganlah tenaga itu. Apabila tenaga itu berkurang, maka timbulah keadaan-keadaan seperti:

- Perasaan gemetar, cemas dan bimbang
- Bersifat pesimis dan bersikap negatif
- Kurang keyakinan terhadap diri sendiri
- Selalu letih dan tidak bertenaga
- Sering diganggu kesedihan tidak menentu
- Serabut fikiran dan kelesuan otak
- Lemah daya berfikir dan rasa malas
- Mudah lupa dan rasa jemu
- Kurang daya tumpuan

Untuk menghilangkan masalah-masalah tersebut tenaga otak perlu dipulihkan.

BAGAIMANA HENDAK MEMULIHKAN TENAGA OTAK?

Seperti juga tenaga fizikal, ada 3 cara bagi memulihkan tenaga otak, iaitu:

1. Memberikan semangat dan perangsang
2. Beristirehat
3. Makan dan Minum

Memberi semangat dan perangsang

Seseorang yang menggunakan psikologi dapat menolong memperbaiki prestasi murid-muridnya dengan kata-kata perangsang, seperti “Jangan Putus Asa. Cuba Lagi. Saya Yakin Kamu Boleh Berjaya.”

Seorang ayah menasihati anaknya dengan kata-kata, “Ayah faham mata pelajaran ini susah sedikit tetapi setiap yang susah itu sudah pasti ada jalan mengatasinya”. Kata-kata perangsang begini boleh membuat anaknya itu bersemangat kembali dan terus maju. Tetapi masalahnya, sampai bilakah seseorang itu mengharapkan diberi semangat dan perangsang oleh orang lain? Semangat dan perangsang seharusnya datang dari dalam diri.

Beristirehat

Bila sudah banyak bekerja menggunakan otak, dengan beristirehat akan dapat memulihkan sedikit tenaga otak itu. Tetapi hasil kajian menunjukkan otak terpaksa terus bekerja walaupun tubuh dalam keadaan rehat.

Menurut penyelidikan yang dijalankan oleh Prof. D. Samuel dan rakan-rakannya dari Institut Weismann di Israel, didapati pada satu-satu ketika, otak melakukan antara 1000,000 hingga 1,000,000 tindak balas elektrokimia. Oleh itu, otak sebenarnya kurang dapat berehat.

Makanan dan Minuman

Seperti juga dengan tubuh, tenaga otak juga boleh dipulihkan dengan makanan. Makanan otak digelar nutrien saraf.

Apakan nutrien saraf yang dapat memulihkan tenaga otak? Jawapannya akan diberikan kemudian nanti.

Pendapat orang

Ada orang berpendapat, kecerdasan akal seseorang bergantung pada bilangan sel neuron di otak. Dengan kata lain, kalau otak itu banyak sel neuron, maka cerdaslah (tinggi I.Q) orang itu.

Adakah benar pendapat ini? Pendapat itu adalah salah.

KECERDASAN AKAL

Kecerdasan akal (I.Q) seseorang itu tidak bergantung pada bilangan sel neuron di otak. Saintis menganggarkan terdapat antara 12,000 juta hingga 15,000 juta sel neuron dalam sesebuah otak.

Prof. Pyotr Anokhin dari Rusia dan rakan-rakan penyelidikannya mendapati bilangan neuron bukanlah faktor yang menentukan tinggi atau rendahnya tahap kecerdasan akan seseorang.


Menurut penyelidikan Prof. Pyotr Anokhin, yang mempengaruhi kecerdasan akal seseorang ialah jumlah hubungan (connections) yang dibentuk oleh ramisaraf dendrit (dendritic fibres) di neuron. Otak yang cerdas ialah banyak membentuk hubungan atau jalinan di antar ramisaraf-ramisaraf dendrit.

Untuk membentuk hubungan atau jalinan yang banyak, otak itu mestilah mempunyai banyak ramisaraf. Beruntunglah orang yang mempunyai banyak ramisaraf dendrit, sebab akalnya cerdas.

Bagaimana dengan orang yang kurang cerdas? Bolehkah digalakkan pertumbuhan ramisaraf dendrit otak?

Jawabnya: BOLEH

Kajian **Prof. Mark Rosenweig** dari U.C.L.A dari Amerika Syarikat, menunjukkan ramisaraf dendrit boleh digalakkan pertumbuhannya. Samalah halnya dengan pokok yang boleh mengalakkan ranting-rantingnya tumbuh dengan memberikan zat makanan dalam bentuk baja, maka ramisaraf dendrit yang menyerupai ranting-ranting pokok itu pun boleh digalakkan tumbuh subur dengan memberikan zat makanan yang disebut nutrien saraf. Nutrien saraf merupakan zat khusus untuk tujuan menggalakkan ramisaraf dendrit tumbuh subur.



NEURON

Menurut penyelidikan Dr. W.H. Schusessler, seorang pakar biokimia bangsa Jerman menyatakan bahawa saraf di otak memerlukan beberapa nutrien atau zat tertentu untuk dapat berfungsi dengan sempurna. Nutrien atau Zat yang sesuai untuk otak ialah jenis garam tisu biokimia. Setelah

menjalankan kajian mengenai fungsi otak dan hubungannya dengan makanan, maka Prof. Dr. Azizan Hj. Ismail telah berjaya merumuskan sejenis rumusan biokimia istimewa untuk otak yang diberi nama EXAMO-CKM 500.

EXAMO-CKM 500 adalah zat atau nutrien yang dapat menyuburkan otak. EXAMO-CKM 500 dirumus mengandungi nutrien saraf Kalsium Posfat dan Magnesium Posfat yang merupakan zat penggalak bagi menyuburkan pertumbuhan ramisaraf dendrit neuron otak. Di samping itu, EXAMO-CKM 500 adalah merupakan nutrien saraf yang diperlukan untuk memulihkan tenaga otak bagi mendapatkan kesempurnaan fungsi otak, berfikir, mengingat dan sebagainya.

Semua aktiviti otak berfikir, mengingat, menyimpan maklumat, merenung dan mengkaji masalah, menumpu perhatian dan lain-lain adalah proses hasil tindakbalas elektrokimia.

Dari situ kita boleh faham bahawa, untuk melakukan sesuatu aktiviti mental, otak memerlukan bahan kimia bagi menimbulkan impuls elektrik yang berlari melalui ramisaraf dendrit neuron dan akson. Sama halnya dengan sebuah bateri. Ketahuilah, EXAMO-CKM 500 membekalkan bahan kimia yang diperlukan itu.

Sama seperti baja untuk pokok yang mesti dirumus menurut keperluan optimum pokok, demikian juga EXAMO-CKM 500 dirumus istimewa bagi memenuhi keperluan otak untuk tujuan mendapatkan kesan baik paling maksimum.

EXAMO-CKM 500 adalah dijamin paling berkesan, suci dan halal. Ia tidak mengandungi dadah dan dengan itu tidak boleh mendatangkan kesan sampingan, tidak membahayakan kesihatan, tidak menimbulkan ketagihan. EXAMO-CKM 500 telah diujikaji oleh pihak Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Masyarakat di England (*Department of Health and Society Security, England*).

EXAMO-CKM 500 selamat untuk kegunaan semua peringkat sama ada bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan juga ibu yang hamil. Para saintis mendapati bahawa otak manusia mengandungi antara 12,000 juta hingga 15,000 juta sel otak neuron yang berfungsi. Setiap hari beribu-ribu sel di dalam tubuh dan otak akan mati. Tetapi sel-sel otak (neuron) yang mati tidak akan diganti dengan sel-sel baru. Ketahuilah menurut kajian, zat Kalium Posfat dan Megnesium Fospat bertindak melambatkan kematian sel-sel otak ini.

Di dalam EXAMO-CKM 500 ke semua rumusan diperbuat daripada bahan-bahan bersih lagi suci mengikut *The British Homeopathic Pharmacoposia* dengan menggunakan kaedah trituras. Trituras adalah kaedah pembuatan paling saintifik yang menghasilkan nutrien yang mudah cerna.

Sejak dipasarkan kepada umum pada tahun 1983, EXAMO-CKM 500 telah mendapat sanjungan dan banyak digunakan oleh kanak-kanak tadika, penuntut sekolah, kolej dan universiti sama ada dalam negeri mahupun luar negeri.

Kesan Kegunaan

a. Meningkatkan Kecerdasan akal

Penyelidikan Prof. Pyotr Anokhin, menunjukkan bahawa kecerdasan bergantung kepada kesuburan pertumbuhan ramisaraf dendrit neuron. EXAMO-CKM 500 merupakan baja penyubur.

b. Memulihkan tenaga mental

Tenaga mental dalam bentuk elektrik. Sumber bekalan elektrik otak daripada kimia. Neurotransmisi melibatkan neurotransmitter yang terdiri daripada ion-ion K, Mg, Na, Ca, Cl dan lain-lain.

c. Membasmi masalah lupa

Lupa terjadi apabila maklumat yang diperlukan pada waktu itu tidak dapat dikeluarkan daripada simpanan. Fenomena kesesakan lalulintas maklumat dalam otak perlu ada laluab naklumat baru dan perbanyakkan siratan ramisaraf dendrit.

Lain-lain kegunaan

1. Payah tidur
2. Migrain
3. Lelah
4. Kanak-kanak degil
5. Orang pendiam, malu, takut dan pemarah
6. Gangguan mimpi-mimpi gerun
7. Pesakit jiwa atau mental

Cara Makan:

Dikemam dalam mulut

Bayi kurang (1 tahun)	1 biji
Kanak-kanak (1-7 tahun)	2 biji
Kanak-kanak (7-14 tahun)	3 biji
Dewasa (14 tahun ke atas)	4 biji

Minggu pertama	3 kali sehari
Minggu ke-2 dan ke-3	2 kali sehari
Minggu ke-4 dan seterusnya	1 kali sehari

Examo-CKM500 Plus

Tidak dijual secara berasingan. Hanya boleh diperolehi dalam pek EKONOPEK EXAMO

Isi: 16 Biji

Kesesuaian: Semua peringkat. Istimewa bagi yang sedang belajar dan membuat persiapan untuk menghadapi peperiksaan.

Kesan kegunaan

Membantu melekaskan tindakan EXAMO-CKM500 terhadap diri seseorang yang agak lembab menerima kesan baik EXAMO-CKM500. Peranannya sama seperti pemangkin (catalyst).

Lain-lain kegunaan

Dapat membantu EXAMO-CKM500 terutama dalam kes-kes berikut:

- Lupa yang amat teruk
- Hilang semangat untuk belajar dan bekerja
- Peribadi terbelah (split Personality)
- Perasaan mendengar bisikan dari belakang
- rasa ada bebola tersangkut di kerongkong

Kemungkinan kesan kemudaratan

Tiada

Cara makan

1 biji 1 kali seminggu